

Panduan Mengurus  
**JENAZAH**



# Panduan Mengurus JENAZAH

*Oleh:*

Sheikh Abdullah Mohd. Basmeih

*Disemak dan Disahkan oleh:*

Sahib al-Samahah

Tan Sri Datuk Sheikh Abdul Mohsein Haji Salleh  
Mufti Wilayah Persekutuan

جَابَاتُنْ كَمَا جَوَانِ اِسْلَامِ مَلِيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
<http://www.islam.gov.my>

Cetakan Pertama 1409 (1988)  
Cetakan Kedua 1413 (1992)  
Cetakan Ketiga 1414 (1993)  
Cetakan Keempat 1436 (2015)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Pustaka Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sheikh Abdullah Mohd. Basmeih, 1913-

Panduan Mengurus JENAZAH / Oleh: Sheikh Abdullah Mohd. Basmeih ;

Disemak dan Disahkan oleh: Sahib al-Samahah Tan Sri Datuk

Sheikh Abdul Mohsein Haji Salleh.

ISBN 978-983-042-552-8

1. Funeral rites and ceremonies, Islamic. 2. Dead--Religious aspects--Islam.

I. Abdul Mohsein Haji Salleh, Datuk Sheikh. II. Judul.

297.385

Penerbit:

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Blok D7 & D9 Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62519 Putrajaya

Tel: 03-8886 4000

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

[www.facebook.com/kedaibukujakim](http://www.facebook.com/kedaibukujakim)

Dicetak oleh:

**CARD INFORMATION SDN. BHD.**

49, Jalan 31/10A

Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu

68100 Kuala Lumpur

E-mel: [cisb49@yahoo.com.my](mailto:cisb49@yahoo.com.my)

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kesedaran tentang perlunya masyarakat Islam kepada orang-orang yang ahli dalam bab mengurus jenazah makin lantang kedengaran pada masa yang akhir-akhir ini – memandang perkampungan masyarakat Islam yang sedang terbentuk dengan pesatnya di bandar-bandar dan qariah-qariah di kelilingnya, lebih-lebih lagi dalam kalangan penduduk rumah-rumah pangsa.

Gambaran masalah ini telah dipaparkan dalam akhbar dengan jelasnya, terutama dalam rencana pengarang "Utusan Zaman" keluaran 4 haribulan Jun, 1978 yang lalu.

Buku "Panduan Mengurus Jenazah" ini disusun khas dengan harapan supaya makin bertambah ramai orang-orang kita yang dapat menguruskan jenazah (memandi, mengapankan, dan seterusnya) sehingga siap untuk disembahyangkan dan dikebumikan.

Semoga Allah SWT memberi taufik, supaya kita yang hidup dapat melakukan apa yang dituntut oleh syarak – terhadap saudara-saudara kita yang telah mati – dengan ikhlas dan sempurna.

Sheikh Abdullah bin Mohd. Basmeih

Pusat Islam,  
Kuala Lumpur,  
14hb. Zul Hijah, 1398.  
14hb. November, 1978.



# KANDUNGAN

Mengurus Jenazah	1
Mandi Mayat	2
Cara Memandikan Mayat	5
Mayat dalam Keadaan Janabah	9
Mayat yang Ditayamumkan	10
Orang-orang yang Boleh Memandikan Mayat	10
Mengapankan Mayat	11
Sembahyang Jenazah	14
Lafaz-lafaz Doa untuk 'Mayat Lelaki'	15
Lafaz-lafaz Doa untuk 'Mayat Perempuan'	15
Lafaz-lafaz Doa untuk 'Mayat Kanak-kanak'	16
Cara Mengerjakan Sembahyang Jenazah	33
Di Antara Perkara-perkara Sunat Mengenai Sembahyang Jenazah	34
Kelebihan Sidang Jemaah yang Ramai	34
Orang yang Baik Menjadi Kenangan	37
Mengusung Jenazah ke Tanah Kubur	40
Cara Menghantar Jenazah	42
Mengebumikan Mayat	43
Menjaga Kehormatan Mayat	45
Cara Menurunkan Mayat ke dalam Kubur	45
Hukum Talkin	52

Pengertian Bidaah	57
Kesimpulan Masalah Talkin	58
Si Mati Mendengar Seruan Orang yang Hidup	61
Perkara-perkara yang Berhubung dengan Kubur	66
Hukum Meninggikan Binaan Kubur dan Menghiasinya	67
Hukum Membawa Mayat dari Sebuah Negeri ke Negeri yang Lain	70
Hukum Membongkar Kubur	70
Hukum Menangis dan Meraung Semasa Kematian	71
Amal Baik Orang yang Hidup, Menggembirakan Kaum Kerabatnya yang Telah Mati	72
Hubungan Suami yang Mati dengan Isterinya yang Masih Hidup	75
Kelebihan Bersabar dan Kelebihan Menyebut	77
Kematian Anak yang Masih Kecil	79
Masalah Anak Orang Kafir	81
Mengucapkan Takziah kepada Waris Si Mati	82
Membayar Hutang Si Mati	84
Hutang dan Kesannya yang Buruk	85
Wasiat Si Mati	88
Hukum Orang yang Membunuh Diri	88
Orang yang Mati Syahid	91
Syahid Dunia dan Akhirat	93
Syahid Dunia Sahaja	96
Syahid Akhirat Sahaja	98



## Panduan Mengurus Jenazah

---

Masalah Mayat Bercampur – Islam dan Kafir	99
Cara Menyembahyangkan Mereka	99
Anggota Mayat Islam yang Terpisah dari Badannya	100
Hukum Orang yang Mati Semasa Berihram Mengerjakan Haji	100
Menyembahyangkan Mayat yang Ghaib	101
Hukum Ziarah Kubur	103
Masalah Kaum Perempuan Ziarah Kubur	104
Ziarah Kubur Rasulullah SAW	106
Lafaz Salam dan Doa Orang yang Menziarahi Kubur	107
Adab Peraturan dan Cara Ziarah Kubur	108
Ziarah Kubur Ibu Bapa	110
Orang Mati Sentiasa Berhajat kepada Doa Untuknya	110
Rayuan Rohnya dengan Suara yang Hiba dan Menyayukan Hati	111
Kitab-kitab Rujukan	113



*“Sebaik-baik hadiah dari orang yang hidup  
kepada orang mati ialah doa dan istighfar”*

– Maksud Hadith



# MENGURUS JENAZAH

## Dan Perkara-Perkara yang Berhubung dengan Pengebumiannya

Hidup lawannya mati, kemudian manusia akan dibangkitkan semula pada hari Kiamat untuk menerima balasan.

Firman Allah SWT, maksudnya: "Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawa pada hari Kiamat sahalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya."<sup>(1)</sup>

Hakikat ini ditegaskan berulang-ulang di dalam al-Qur'an dan hadith supaya masa hidup yang terhad itu diisi dengan amalan-amalan salih kerana iman dan amal yang salih itulah sahaja sebaik-baik bekal untuk mendapat rahmat dan keredhaan Allah Azza wa Jalla di dunia dan di akhirat.

### Mengurus Jenazah

Menurut hukum syarak apabila seseorang Islam mati, wajiblah ia dimandikan, dikapankan, disembahyangkan dan dikebumikan.<sup>(2)</sup>

---

(1) (185 surat Ali 'Imran), Yakni terpedaya kepada kesenangan dunia semata-mata dan mencuaikan soal akhirat.

(2) Hadith-hadith yang berhubung dengan: orang sakit, orang mati, alam barzakh dan balasan pada hari akhirat, lihat "Mastika Hadith" (1: 179-194).

Kewajiban ini ialah ‘Fardu Kifayah’.

Sebelum itu disunatkan menutup mata mayat dan mengikat dagunya dengan secarik kain dengan menyimpulkan ikatan itu di kepalanya supaya mulutnya terkatup dan elok dipandang oleh orang-orang yang menatap wajahnya.

Disunatkan juga melembutkan sendi-sendinya, tujuannya ialah supaya anggota-anggota mayat itu menjadi lembut dan tidak kejang-kaku, juga supaya ia mudah dimandikan dan dikapankan.

Sunat juga menindih perutnya dengan sesuatu yang sederhana beratnya supaya perutnya tidak kembung.

Setelah itu hendaklah meletakkan mayat di atas tempat yang sesuai (sebaik-baiknya di atas katil) dengan mengadap kiblat, dan meletakkan kedua-dua tangannya di atas dadanya seperti orang dalam sembahyang serta menutup seluruh tubuhnya dengan kain.

Pada saat itu, biasanya anak pinak, kaum kerabat dan sahabat handai yang datang dari jauh dan dekat berhimpun di sisi mayat dengan membaca al-Qur’an (sekurang-kurangnya membaca surah al-Fatihah serta mendoakannya semoga Allah SWT mengampunkan dosanya dan melimpahkan rahmat ke atas rohnya.

Ini ialah sebaik-baik amalan yang sepatutnya dilakukan oleh orang-orang Islam yang hidup terhadap saudaranya yang telah mati, lebih-lebih lagi yang dilakukan oleh anaknya yang salih.

## **Mandi Mayat**

Hukum syarak mengenai mandi mayat diterangkan dalam hadith yang berikut:

Dari Ummi 'Atiyah RA katanya: Rasulullah SAW telah masuk ke tempat kami ketika anak perempuannya mati<sup>(3)</sup> lalu bersabda: "Mandikanlah dia tiga kali, atau lima kali, atau lebih dari itu – jika kamu pandang elok tambahan yang demikian – iaitu dengan air dan (serbuk) daun bidara, dan campurkan sedikit kapur barus pada kali yang akhir. Setelah kamu selesai memandikannya beritahu kepadaku."

١ - عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ الْأَنْصَارِيَّةِ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمِينَ تُؤْفِقَتْ ابْنَتُهُ فَقَالَ: اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتِنَّ ذَلِكَ - بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَاجْعَلْنَ فِي الْأَجْرَةِ كَافُورًا أَوْ شَيْئًا مِنْ كَافُورٍ. فَإِذَا فَرَغْتِ فَاذْنَبِيْ.

Setelah selesai, kami pun memberitahu kepada Baginda, lalu ia memberi kepada kami kain sarungnya sambil bersabda: "Balutlah badannya dengan kain ini"<sup>(4)</sup>

فَلَمَّا فَرَغْنَا آذَنَاهُ فَأَعْطَانَا حِقْوَهُ فَقَالَ: «اشْعِرْنَهَا إِيَّاهُ».

**Hadith Sahih – (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).**

(رواه البخاري ومسلم)

<sup>(3)</sup> Puteri Nabi yang meninggal itu ialah Sayidatina Zainab RA

<sup>(4)</sup> Apa-apa jua pemberian Rasulullah SAW atau pakaiannya ataupun benda-benda peninggalannya ada berkatnya. Setelah mereka memandikan mayat puterinya, Baginda melucutkan kain sarung (زر) yang dipakainya dan meminta mereka membalut tubuh mayat puterinya. Sesudah itu baru mayat puterinya dikapankan dengan kain kapan yang disediakan. Al-Hafiz Ibn-Hajar al-Asqalani RA berkata: "Perbuatan Baginda yang demikian menjadi dasar (bagi amalan orang-orang Islam) mengambil berkat daripada benda-benda peninggalan orang-orang yang soleh."

Menurut satu riwayat lagi (Baginda bersabda): Mandikanlah dia (beberapa kali) asalkan ganjil bilangannya: Tiga atau lima atau tujuh, dan mulakanlah dengan bahagian-bahagian kanan badannya dan anggota-anggota wuduk

وَفِي رِوَايَةٍ. «اغْسِلْنَهَا  
وَتَرَأْ: ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ سَبْعًا،  
وَأَبْدَانُ بِمَيَامِنِهَا وَمَوَاضِعَ  
الْوُضُوءِ مِنْهَا».

(Umm 'Atiyah) berkata: "Setelah itu kami pun jalinkan rambutnya: Tiga tocang, lalu kami hulurkan ke sebelah belakangnya."<sup>(5)</sup>

وَقَالَتْ (أُمُّ عَطِيَّةَ): فَضَفَرْنَا  
شَعْرَهَا ثَلَاثَةَ قُرُونٍ  
فَالْقَيْنَاهَا حَلْفَهَا.

**Hadith Sahih – (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).**

(رواه البخاري ومسلم)

Menurut huraian ulama, rahimahumullah<sup>(6)</sup> lebih dahulu hendaklah dibersihkan badan mayat dan celah-celahnya, kemudian baru dimandikan – sekurang-kurangnya dengan meratakan air ke seluruh tubuhnya.

Tetapi yang lebih sempurna dimandikan sebanyak tiga kali. Kali yang pertama dimandikan dengan air bercampur "serbuk daun bidara"<sup>(7)</sup> (atau dengan menggunakan sabun). Kemudian dibilas dengan air semata-mata. Sesudah itu dimandikan dengan air yang dicampurkan sedikit kapur barus padanya.

<sup>(5)</sup> Fath al-Bari (3:371) dan Misykat al-Masabih (1:519).

<sup>(6)</sup> Sabil al-Muhtadin (2:68) dan Hidayah al-Muhtaj (2:432).

<sup>(7)</sup> Serbuk daun bidara membersihkan badan seperti sabun, sebab itu disunatkan menggunakannya seperti yang tersebut dalam hadith ini. Serbuk itu disediakan oleh kedai penjual kain kapan bersama-sama alat mandi yang lain.

**Ingin membaca dengan lebih lanjut ?**

**Dapatkan naskhah tersebut di:**

**Bahagian Penerbitan Jakim,**

**Aras 1, Blok D9, Kompleks D,**

**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**

**62519, W.P Putrajaya**

**No Tel: 03-8886 4575**